

27/10/1999

Penggabungan bank tiada isu perkauman: PM

Wan Sabariah Shikh Ali

PERDANA Menteri berkata keputusan membenarkan institusi perbankan memilih peneraju dan rakan kongsi penggabungan bukan disebabkan tekanan daripada kalangan bank milik bukan Bumiputera yang tidak berpuas hati dengan rancangan asal mewujudkan enam bank teras.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan rancangan penggabungan bank dan institusi kewangan di negara ini tidak ada kena-mengena dengan isu perkauman.

"Tentulah ada pihak yang mahu menjadikannya sebagai isu perkauman tetapi itu memang kerja pembangkang. Saya tidak melihatnya demikian.

"Bank yang pertama digabungkan adalah Bank Bumiputra Malaysia Bhd (BBMB) dan Sime Bank, kedua-duanya milik Bumiputera, kerajaan tidak mengamalkan diskriminasi dalam hal ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Forum Perniagaan Asia-Afrika di Seri Kembangan, Selangor, semalam.

Perdana Menteri menegaskan demikian apabila diminta mengulas mengenai kelonggaran yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia berhubung rancangan penggabungan sektor perbankan, minggu lalu.

Dr Mahathir berkata, di negara ini soal bank milik Melayu atau Cina, sepatutnya tidak timbul kerana kebanyakan bank orang Cina mempunyai pemegang saham Bumiputera manakala bank Bumiputera mempunyai pemegang saham bukan Bumiputera.

Mengikut program asal penggabungan, 55 institusi kewangan di negara ini, iaitu 20 bank perdagangan, 23 syarikat kewangan dan 12 bank saudagar, akan digabungkan menjadi enam kumpulan kewangan yang besar.

Bagaimanapun, pada 20 Oktober, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman mengumumkan sektor perbankan kini bebas memilih rakan kongsi dan peneraju kumpulan masing-masing.

Bank Negara juga mengumumkan tempoh masa baru iaitu sehingga akhir Januari 2000 untuk persetujuan awal dan sehingga akhir tahun depan untuk menyempurnakan proses penggabungan.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa keputusan untuk melonggarkan syarat penggabungan berkenaan bukan keputusan beliau, sebaliknya dibuat oleh exco Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"Saya perlu menjelaskan ini kerana tidak mahu ada prasangka menyatakan keputusan dibuat oleh seseorang.

"Program awal juga diputuskan oleh exco MTEN untuk 'mengejutkan' ahli-ahli bank ini yang selama ini tidak mengendahkan seruan supaya bergabung," tambahnya.

Dr Mahathir berkata, sekarang tidak ada sebab lagi bagi bank untuk tidak senang hati dengan kelonggaran yang diberikan itu kerana mereka bebas menentukan rakan kongsi masing-masing.

Bagaimanapun, kata beliau, jika mereka gagal untuk memutuskan di kalangan mereka sendiri mengenai perkara itu dalam tempoh yang diberikan, kerajaan mungkin terpaksa campur tangan.

"Di dalam hal ini, kami mungkin mencari beberapa bank kecil untuk menjadi bank peneraju.

"Jadi lebih baik mereka cari sendiri kerana menjelang 2000, jika mereka tidak berbuat sesuatu, mungkin bank kecil akan menjadi bank peneraju," katanya.

(END)